

JENAYAH

B/HARIAN 26/2/18

Dua suspek samun bermotosikal ditahan

Shah Alam: Dua daripada sekumpulan lelaki dipercayai terbabit dengan jenayah bermotosikal, yang melakukan samun di beberapa lokasi di negeri ini ditahan polis.

Bagaimanapun, Ketua Polis Selangor Datuk Noor Azam Jamaludin, enggan mendedahkan tarikh dan lokasi tangkapan dilakukan.

Beliau berkata, ia bagi membolehkan polis menjalankan siasatan lanjut dan mengesan suspek lain, yang terbabit dengan kegiatan jenayah berkenaan.

“Satu pasukan khas sudah ditubuhkan bagi menangani kes jenayah sekumpulan lelaki bermotosikal, yang melakukan samun seperti tersebar melalui

media sosial baru-baru ini.

Siasatan lanjut

“Dua lelaki itu sudah ditahan buat masa ini dan siasatan sedang dijalankan mengenai pembabitannya mereka, dalam kegiatan jenayah terbabit,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam di sini, semalam.

Beliau berkata, polis memerlukan maklumat dan kerjasama daripada orang awam untuk membantu mengesan kumpulan penjenayah berkenaan.

Katanya, polis percaya kumpulan ini bergerak dan menunggu peluang serta ruang sekiranya terdapat kesempatan melakukan samun.

Pada 21 Februari lalu, tiga kes samun dan cubaan samun dilaporkan membabitkan antara enam, tujuh dan lapan lelaki dipercayai warga tempatan, dengan menaiki empat motosikal serta bersenjatakan parang.

Suspek terbabit mencari sasaran yang berada di pekarangan rumah di kawasan sunyi, sebelum bertindak melakukan jenayah itu.

Dalam kes pertama pada jam 2.15 petang, seorang mangsa lelaki yang meletakkan kereta di luar rumahnya di Jalan Sri Sarawak, Taman Sri Andalas, Klang, didatangi enam lelaki menaiki motosikal mengacukan parang sebelum melarikan wang tunai RM5,000, buku cek,

barang kemas RM2,000 dan telefon bimbit.

Tidak lama selepas itu, seorang wanita disamun ketika berada di depan rumahnya di Lorong Lengkongan, Kampung Raja Uda, Pelabuhan Klang oleh lapan lelaki bersenjatakan parang menaiki empat motosikal jenis Yamaha 125Z.

Pada jam 4.05 petang, seorang lelaki yang mahu keluar dari rumahnya di Bukit Kuchai, Bandar Kinrara, cuba disamun tujuh lelaki menaiki empat motosikal yang sebelum itu berlegar-legar di sekitar kawasan rumahnya.

Namun, suspek terbabit gagal menyamun mangsa selepas lelaki itu melarikan diri masuk ke dalam rumah.